



# Archdiocese of Kota Kinabalu

Catholic Archdiocesan Centre, Jalan Sang Kancil 3, Karamunsing, 88300 Kota Kinabalu  
P.O. Box: 10225, 88802-Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Telephone: (+60)88-203300, 276006, 211722 Fax: (+60)88-203292

## PENGISTIHARAN PENUKARAN NAMA PAROKI

1. Sembilan tahun yang lalu, pada tahun 2014, umat di zon Inobong yang terdiri daripada 14 buah gereja dan chapel dari Kg.Inobong sendiri hingga ke Kg.Longkogungan, telah dinaik taraf menjadi sebuah paroki dan berpisah daripada paroki St.Michael, Penampang.
2. Ia merupakan satu peristiwa bersejarah kerana umat di kawasan Inobong ini telah dianggap sudah dewasa dan matang dalam segi iman, pengurusan pastoral dan pembangunan komuniti.
3. Pada masa itu paroki baru ini telah diberi nama *Holy Trinity Inobong*. Paderi paroki pertama, iaitu mendieng Fr.Alex Sipanul, merancang untuk memusatkan paroki ini di Madsiang. Namun, sehingga beliau meninggal, gereja di Madsiang masih belum ada nama.
4. Mengikut kebiasaan, nama sebuah paroki baru itu selalunya diambil daripada nama gereja utamanya. Dan pusat parokinya adalah di mana letaknya kediaman paderi paroki dan pejabat paroki.
5. Baru-baru ini, saya telah dimaklumkan bahawa dalam mesyuarat Majlis Pastoral Paroki pada 21 Ogos 2023, Majlis tersebut telah mencapai keputusan sepakat untuk menukar nama *Paroki Holy Trinity Inobong* kepada *Paroki Sacred Heart Inobong*.
6. Hal ini dikemukakan kepada saya dan saya tidak mempunyai sebarang halangan memandangkan selama ini, Gereja Sacred Heart adalah gereja utama di kawasan ini dan rumah serta pejabat paroki juga terletak di sini.
7. Maka dengan sukacitanya, saya ingin mengumumkan bahawa bermula 1hb Oktober 2023, nama rasmi paroki ini adalah *Paroki Sacred Heart Inobong*. Berikutan ini, segala pengurusan rasmi, sama ada dalam Gereja atau dengan pihak-pihak kerajaan dan swasta, nama baru ini akan digunakan.
8. Saya berdoa agar umat di kawasan Inobong akan hidup mencontohi hati kudus Yesus, yang sentiasa berbelas kasihan, maha-pengasih dan maha-mengampuni.

Sekian dan Tuhan memberkati.

  
Archbishop John Wong Soo Kau

22.9.2023